

---

## PENENTUAN HAD KIFAYAH DAN ELEMEN KEPERLUANNYA DALAM PEMBAHAGIAN ZAKAT SEMASA

*Determination of 'Had Kifayah' and Its Element Based on  
Current Zakat Distribution*

<sup>i,\*</sup>Zulfaqar Mamat, <sup>i</sup>Azman Abdul Rahman, <sup>ii</sup>Hamzah Abd al-Karem Hamad

<sup>i</sup> Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

<sup>ii</sup>Bahagian Syariah dan Pengajian Islam, Fakulti Undang-Undang, UAEU

\*(Corresponding Author): [zulfaqar@usim.edu.my](mailto:zulfaqar@usim.edu.my)

### ABSTRAK

*Zakat merupakan salah satu rukun Islam dan sebahagian daripada syiar Islam. Zakat menyempurnakan sifat saling berhubungan, bantu membantu dan berkasih sayang antara sesama Islam serta memenuhi hajat dan keperluan orang yang memerlukan. Banyak penulisan berkaitan zakat, penafsiran hukum dan pemerincian mengenainya dalam kitab-kitab fiqh. Realiti semasa memperlihatkan sesetengah masyarakat Islam kurang mengambil perhatian terhadap hukum zakat, antaranya tidak memahami harta yang diwajibkan zakat, nisab pembahagiannya, siapa yang berhak menerimanya dan syarat wajib untuk mengeluarkan zakat. Antara persoalan yang sentiasa menjadi perbincangan dalam bab zakat ialah masalah menentukan had kifayah. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan had kifayah, iaitu menganalisis maksud sebenar had kifayah, mencari solusi fiqh terhadap isu had kifayah dengan mengkaji persamaan dan perbezaan di kalangan fuqaha mengenainya, menerangkan kadar penentuan kifayah dan elemen-elemen yang sepatutnya diambil kira dalam penentuan had kifayah berdasarkan penelitian secara induktif (istiqra') pandangan fuqaha terdahulu. Penulisan ini akan menggunakan*

*pendekatan kajian perbandingan antara pendapat fuqaha dan melakukan analisis secara deskriptif terhadap dalil-dalil yang dikemukakan oleh para fuqaha dan mengaitkannya dengan realiti semasa.*

**Kata Kunci:** *zakat, had kifayah, kekayaan*

## ABSTRACT

*Zakat is one of the pillars of Islam and part of Islamic virtue. Zakat nurtures the interconnectedness, cooperation and affection among Muslims, and fulfill the wishes and needs of the needy. There are lots of writing on zakat on its legal interpretation and its details in fiqh books. The reality shows that some of the Muslims are less concerned about zakat laws, such as no understanding on the zakatable wealth, its distribution, who is entitled to it and the compulsory requirement to pay the zakat. Among the questions that are always discussed in the chapter of zakat is the problem of determining the 'had kifayah'. Therefore, this article aims to discuss the meaning of had kifayah, to find the fiqh solution to the issue of had kifayah by studying the similarities and differences among the fuqaha about it, explaining the determination of had kifayah and its element that should be included based on inductive analysis (istiqra') on previous fuqaha views. This writing will use a comparative study approach between the opinions of fuqaha and descriptive analysis of the arguments posed by the fuqaha and associating it with the current reality.*

**Keyword(s):** *zakat, had kifayah, wealth*

## PENDAHULUAN

Sebagaimana dimaklumi zakat merupakan salah satu rukun Islam dan sebahagian dari syiar Islam. Zakat menyempurnakan sifat saling berhubungan, bantu membantu dan berkasih sayang antara sesama Islam serta memenuhi hajat dan keperluan orang yang memerlukan. Dalam kitab fiqh begitu banyak penulisan berkaitan zakat, penafsiran hukum dan pendetailan mengenainya.

**PENENTUAN HAD KIFAYAH DAN ELEMEN KEPERLUANNYA DALAM  
PEMBAGIAN ZAKAT SEMASA**

Sungguhpun begitu, realiti semasa memperlihatkan sesetengah orang Islam kurang mengambil perhatian terhadap hukum zakat, antaranya tidak memahami harta yang diwajibkan zakat, nisab pembahagiannya, siapa yang berhak menerimanya dan syarat wajib untuk mengeluarkan zakat. Antara persoalan yang sentiasa menjadi perbincangan dalam bab zakat ialah masaalah menentukan had kifayah. Sehubungan itu kertas ini bertujuan untuk melihat beberapa perkara berkaitan had kifayah:

1. Menganalisa maksud sebenar had kifayah dan perbezaannya dengan istilah yang mempunyai makna yang hampir sama dengannya.
2. Mencari solusi fiqh terhadap isu had kekayaan yang mencegah seseorang dari menerima zakat dengan mengkaji persamaan dan perbezaan di kalangan fuqaha megenainya.
3. Menerangkan penentuan had kifayah yang sepatutnya berdasarkan penelitian secara induktif (istiqra') pandangan fuqaha terdahulu.
4. Menilai ciri-ciri baru yang boleh dijadikan penentuan had kifayah.

Penulisan ini akan menggunakan pendekatan kajian perbandingan antara pendapat fuqaha, selain itu ia juga melakukan analisis secara deskriptif terhadap dalil-dalil yang dikemukakan oleh para fuqaha dan mengaitkannya dengan realiti semasa.

Sehubungan itu, penulisan ini akan merangkumi perkara-perkara penting sepertimana berikut:

1. Definisi had kifayah dan istilah yang berkaitan dengannya
2. Had kekayaan yang menegah seseorang dari menerima zakat
3. Penentuan had kifayah dan ciri-cirinya
4. Ciri-ciri baru dan sejauhmana kepentingannya dalam had kifayah

**DEFINISI HAD KIFAYAH DAN ISTILAH-ISTILAH YANG BERKAITAN DENGANNYA**

Definisi kifayah dari segi bahasa:

Kifayah berasal dari kalimah bahasa arab al-kufyah yang bermaksud sesuatu yang mencukupi untuk kehidupan, dikatakan:

al-kufyah ialah makanan asasi atau kurang daripada makanan asasi (Ibn Manzur, t.th).

Dalam al-Quran al-kifayah bermaksud menutup kerosakan dan menyampaikan apa yang dikehendaki (dimaksudkan) daripada sesuatu perkara (Al-Isfihani, 1992), sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Ahzab ayat 25:

وَكَفَىٰ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ الْقِتَالَ

Maksudnya:

... dan Allah selamatkan orang-orang yang beriman dari bencana menghadapi peperangan itu.

Dan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 79:

وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا

Maksudnya:

... dan cukuplah Allah menjadi saksi (yang membuktikan kebenaran hakikat ini).

Dalam hadis pula Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ بِالْأَيْتَيْنِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ فِي لَيْلَةِ كَفَّاتِهِ

(Al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Kitab Fadhail al-Quran. Jld. 6. Hlm. 188)

Maksudnya:

Sesiapa yang membaca dua ayat terakhir dari surah al-Baqarah pada waktu malam maka dia tertegah dari syaitan.

Dikatakan maksud *kafataahu* ialah memperoleh ganjaran *qiyamullail*, dikatakan juga maknanya mendapat perlindungan dari syaitan atau keburukan (al-Nawawi, 1972).

Definisi kifayah dari segi istilah:

Kifayah dari segi istilah pula digunakan dalam beberapa maksud, kadang-kadang dengan makna perbuatan penting yang dikehendaki oleh syarak untuk melakukannya tanpa melihat kepada siapa pelakunya kerana ia berkait dengan masalah umat

keseluruhannya, ia dinamakan fardhu kifayah seperti solat jenazah dan menjawab salam. Kadang-kadang kifayah berkait dengan keahlian seseorang untuk menjalankan tugas penting yang bersangkutan dengan kemaslahatan umat seperti tugas-tugas khas dan kepentingan awam (al-Jassas, 1994). Adapun makna yang dikehendaki dalam penulisan ini kifayah ialah keperluan asasi manusia, iaitu sesuatu yang secara pasti (*hakiki*) menghindarkan manusia dari kebinasaan seperti nafkah, tempat tinggal, pakaian, peralatan yang dapat menghindar manusia dari panas dan sejuk atau secara tanggapan (*taqdiri*) seperti hutang, maka orang yang berhutang perlu melangsaikan hutangnya mengikut kadarnya untuk mengelak dari dikenakan hukuman yang dianggap seperti satu kebinasaan (Ibn Abidin, 1992).

### **HAD KEKAYAAN YANG MENCEGAH DARI MENERIMA ZAKAT**

Para ulama telah bersepakat bahawa tidak harus memberi orang kaya dari bahagian zakat fakir dan miskin, kerana Allah S.W.T. menjadikannya untuk golongan fakir dan miskin, orang kaya tidak termasuk dalam takrifan tersebut berdasarkan dalil-dalil berikut: Daripada Ibn Abbas r.a. bahawa Nabi S.A.W. apabila mengutus Muaz r.a ke Yaman, Baginda bersabda: "...maka ketahuilah bahawa Allah S.W.T. telah menfardhukan zakat ke atas harta mereka yang diambil dari kalangan orang-orang kaya dan diberikan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka." (Al-Bukhari, t.th.)

Dalam hadis yang lain daripada Ibn Umar r.a. bahawa Nabi S.A.W. bersabda: Tidak dihalalkan zakat kepada orang kaya dan tidak kepada yang berkemampuan dan sihat tubuh badan. (Abu Daud, 2009).

Para ulama telah berselisih pendapat tentang kadar kekayaan yang dianggap tidak layak menerima zakat.

Ada sebahagian ulama menyatakan orang yang ditegah dari menerima zakat ialah berdasarkan kadar kecukupan yang paling minima yang boleh dianggap kaya. Sesetengah ulama lain menyatakan kadar kekayaan dikira berdasarkan nisab tertentu kerana merekalah yang dimaksudkan oleh Nabi S.A.W. dalam hadis sebelum ini. Sebab berlakunya perbezaan adakah kaya yang ditegah dari menerima zakat itu berdasarkan makna dari segi

syarak atau makna dari segi bahasa? golongan yang menyatakan kekayaan itu berdasarkan makna dari segi syarak mewajibkan sampai kadar nisab untuk dianggap kaya, manakala golongan yang menyatakan kekayaan itu berdasarkan makna dari segi bahasa maka kekayaan itu dikira berdasarkan kadar kecukupan minimum yang boleh dianggap kaya. Selain itu, mereka juga berselisih pendapat dalam berpegang dengan dengan hadis Ibn Mas'ud mengenai masalah ini (Ibn Rushd, 2004).

## **PANDANGAN FUQAHA**

Pandangan pertama: Kaya ialah orang yang berkecukupan, sekiranya dia tidak berhajat maka diharamkan mengambil zakat sekalipun dia tidak memiliki sesuatu. Sekiranya dia berhajat maka diharuskan dia mengambil zakat, sekalipun dia cukup nisab. Pandangan ini dinisbahkan kepada al-Malikiyah, al-Shafiiyyah dan satu riwayat daripada Hanabilah (Zakariya al-Ansari, t.th. dan Ibn Qudamah, 1968)

Pandangan kedua: Sesiapa yang memiliki 50 Dinar atau senilai dengannya daripada emas maka dia dianggap kaya. Maka tidak harus mengambil zakat sekalipun dia berhajat, maka zakat diambil oleh orang yang tidak memiliki nilai tersebut sekalipun dia tidak berhajat kepadanya. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Thauri, al-Nakhaei, Ibn al-Mubarak dan Ishak, diriwayatkan juga dari Ali dan Ibn Mas'ud dimana mereka berkata: tidak halal zakat kepada orang yang mempunyai 50 dirham atau senilai dengannya, ia merupakan pendapat salah satu riwayat dalam mazhab Hanabilah (Ibn Qudamah, t.th.)

Pandangan ketiga: Sesiapa yang memiliki 40 Dinar atau senilai dengannya daripada emas maka dia dianggap kaya. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Hasan dan Abu Ubaid (Ibn Qudamah, t.th.).

## **Dalil-dalil**

Pandangan atau pendapat pertama iaitu kaya ialah orang yang mempunyai kecukupan telah berhujah dengan beberapa dalil, antaranya:

1. Hadis Nabi S.A.W.:

عَنْ قَبِيصَةَ بْنِ مَخَارِقِ الْهَلَالِيِّ، قَالَ: تَحَمَّلْتُ حَمَالَةً، فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْأَلُهُ فِيهَا، فَقَالَ: أَقِمْ حَتَّى تَأْتِيَنَا الصَّدَقَةُ، فَنَأْمُرَ لَكَ بِهَا، قَالَ: ثُمَّ قَالَ: "يَا قَبِيصَةُ إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَجُلُ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةَ رَجُلٍ، تَحَمَّلَ حَمَالَةً، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا، ثُمَّ يُمْسِكَ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاخَتْ مَالَهُ، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ - أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ - وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَوْمَ ثَلَاثَةٍ مِنْ ذَوِي الْحِجَا مِنْ قَوْمِهِ: لَقَدْ أَصَابَتْ فَلَانًا فَاقَةً، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ - أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ - فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا قَبِيصَةُ سَحَنًا يَأْكُلُهَا صَاحِبُهَا سَحَنًا."

(Muslim, t.th.).

Maksudnya:

Daripada Qubaisah bin Mukharik al-Hilali berkata: Aku menghadapi kesulitan kewangan lalu aku mendatangi Nabi S.A.W. meminta pertolongannya. Nabi S.A.W. bersabda: Tunggu sehingga kami menerima zakat dan kami akan memberi bahagianmu daripadanya. Kemudian Nabi S.A.W. bersabda lagi: Wahai Qubaisah, sesungguhnya masalah ini (meminta pertolongan kewangan/zakat) tidak dibenarkan melainkan dalam 3 perkara: Seseorang yang menanggung hutang orang lain (menjadi penjamin), kemudian dia tidak mampu untuk membayarnya, maka dibenarkan dia meminta pertolongan sehingga cukup keperluannya. Seseorang yang ditimpa kesusahan kerana kehilangan harta (seperti kerosakan tanaman dan kebakaran) maka dibenarkan dia meminta pertolongan sehingga cukup keperluannya. Seseorang yang terlalu miskin yang diperakui oleh tiga orang yang dipercayai dari kaumnya, maka dibenarkan dia meminta pertolongan sehingga cukup keperluannya. Maka permintaan selain dari itu wahai Qubaisah merupakan satu perkara yang diharamkan dan hasil yang dimakan itu juga haram.

Hadis ini menunjukkan bahawa cukup keperluan hidup adalah syarat kifayah, dimana Nabi S.A.W. telah mensyaratkan adanya kefakiran dan keperluan untuk membolehkan pemberian zakat dilakukan, sesiapa yang tiada keperluan maka diharamkan menerima zakat, sekiranya ada keperluan maka dibolehkan menerimanya, sekalipun dia memiliki harta melebihi nisab. Adapun orang yang memiliki harta tidak sampai kadar keperluan maka bukanlah dianggap kaya maka dia termasuk dalam sabda Nabi S.A.W. dalam hadis di atas (Ibn Qudamah, t.th.).

2. Kerana hajat atau keperluan itu adalah kefakiran, sedangkan kaya merupakan lawannya. Maka seseorang yang berhajat dia adalah orang fakir dan termasuk dalam umum nas hadis, adapun orang yang tidak berhajat maka dia termasuk dalam umum nas yang mengharamkan orang kaya menerima zakat (Ibn Qudamah, t.th.).

Dalil pendapat kedua yang menetapkan had 50 dirham atau nilainya sebagai ukuran penentuan kelayakan menerima zakat, antaranya:

Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata: Nabi S.A.W. bersabda: Sesiapa yang meminta (zakat) sedangkan dia tidak memerlukannya (kaya), maka dia akan datang pada hari kiamat dalam keadaan *khumush* (cedera) pada wajahnya. Maka ditanya: wahai Rasulullah, apakah kaya itu? Nabi S.A.W. bersabda: 50 dirham atau senilai dengannya daripada emas (Abu Daud. 2009). Dalam hadis lain, daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. bahawa Nabi S.A.W. bersabda: Tidak halal zakat bagi seseorang yang mempunyai 50 dirham (al-Dar al-Qutni, 2004).

Dalil pendapat ketiga yang menetapkan had 40 dirham atau nilainya sebagai ukuran ialah berdasarkan hadis riwayat Abdul Rahman bin Abi Saïd Al-Khudri daripada bapanya yang berkata; Nabi S.A.W. bersabda: Sesiapa yang meminta (zakat) sedangkan dia mempunyai sebanyak satu *uqiah* maka sesungguhnya dia telah berkecukupan dan nilai satu *uqiah* pada zaman Nabi S.A.W. ialah sebanyak 40 dirham (Ibn Qudamah, 1968).

### **Perbincangan dan pentarjihan**

1. Hadis Ibn Mas'ud yang menetapkan 50 dirham sebagai batas kekayaan telah dibincang dari beberapa sudut:

i. Hadis ini dhaif (lemah), tetapi pengkaji mendapati ada beberapa orang pentahqiq semasa yang menyatakan hadis ini adalah sah (Ibn Qudamah, t.th.).

ii. Hadis ini dikatakan hanya khusus untuk satu golongan yang berjual beli dengan kadar lima puluh dirham maka dinilai keperluan dan kecukupan mereka pada kadar tersebut (Al-Mardawi, t.th.).



iii. al-Dar al-Qutni menyatakan dalam sanad hadis Ibn Mas'ud tersebut ada rawi Abu Shaibah iaitu Abd al-Rahman bin Ishaq yang dianggap *dhaif* (lemah), begitu juga terdapat rawi Bakr bin Khunais yang juga *dhaif* (al-Dar al-Qutni, 2004).

Hadis-hadis yang menetapkan kadar 40 atau 50 dirham sebagai had kekayaan boleh ditafsirkan dari beberapa sudut, iaitu:

i. Hadis ini dikatakan hanya khusus untuk satu golongan yang berjual beli dengan kadar lima puluh dirham maka dinilai keperluan dan kecukupan mereka pada kadar tersebut (Al-Mardawi, t.th.).

ii. Nabi S.A.W. bersabda semasa kadar kecukupan yang biasa pada waktu itu ialah lima puluh dirham atau kadang-kadang kadarnya empat puluh dirham (al-Rahibani, 1994).

iii. Hadis-hadis ini menunjukkan hukum makruh bukan mengharamkan berdasarkan kadar tersebut. Lebih-lebih lagi pada awal penghijrahan Nabi S.A.W. ke Madinah, di mana ramai orang-orang Islam yang fakir maka Nabi S.A.W. menggalakkan orang yang mempunyai kecukupan untuk tidak mengambil zakat, tetapi diberikan kepada orang yang lebih utama yang tidak mempunyai apa-apa. Sebagaimana hadis daripada Abd al-Rahman bin Abi Said al-Khudri daripada bapanya yang berkata: Ibuku menyerahkanku kepada Rasulullah S.A.W. lalu aku mendatangi Baginda S.A.W. lalu Baginda menerimaku, seraya berkata: Sesiapa yang meminta kekayaan maka Allah S.W.T. akan menjadikannya kaya, sesiapa yang meminta perlindungan, maka Allah akan memberi perlindungan, sesiapa yang meminta kecukupan maka Allah akan mencukupkannya..., (Ahmad, t.th.). Seterusnya hadis daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah S.A.w. bersabda: Demi diriku yang berada dibawah kekuasaan-Nya, seseorang yang mengambil tali lalu memikul kayu di atas belakangnya lebih baik daripada orang yang mendatangi orang lain lalu meminta-minta, sama ada diberi ataupun tidak (al-Bukhari, t.th.).

Berdasarkan perbincangan di atas, maka pendapat yang rajih menurut penulis ialah pengukuran kekayaan adalah berkait dengan kadar kecukupan (had kifayah) di mana ia berbeza mengikut zaman, tempat dan individu.

## **PENENTUAN HAD KIFAYAH DAN ELEMEN-ELEMENNYA**

### **Penentuan had kifayah**

Penelitian terhadap nas-nas syarak mendapati wujud perbezaan dalam mengambil elemen-elemen yang berkaitan dengan kecukupan, sesetengah mazhab memperincikan perkara tersebut, manakala sesetengah yang lain tidak memperincikannya, tetapi ukuran dan piawaian terhadap elemen tersebut berdasarkan *urf* dan kesesuaiannya pada ketika itu. Al-Muzani berkata: Sesungguhnya kekayaan dan kefakiran ialah apa yang diketahui manusia berdasarkan keperluan semasa (Al-Muzani, t.th.). Al-Khatib al-Shurbaini berkata: Perkiraan dalam perkara itu ialah berdasarkan kesesuaian keadaan semasa tanpa ada pembaziran dan terlampau kikir (al-Shurbaini, 1994). Al-Nawawi menerangkan bahawa yang diambilkira dalam penentuan had kifayah makanan, pakaian, tempat tinggal dan selainnya dari keperluan asasi adalah mengikut kesesuaian dengan keadaannya tanpa sebarang pembaziran dan kekikiran bagi individu dan orang yang dibawah tanggungannya (al-Nawawi, t.th.).

Apa yang dimaksudkan dengan “semua perkara yang selayaknya dari keperluan asasi” menunjukkan adanya perbezaan taraf kehidupan mengikut keadaan individu atau zaman tertentu, iaitu pemindahan dari kedudukan meminta-minta kepada kedudukan yang berkecukupan atau lebih baik. Ia mengukuhkan pendapat bahawa had kifayah adalah berdasarkan ukuran semasa, kerana ia memberi kesan dalam mengatasi perbezaan taraf kehidupan, begitu juga dalam membahagikan sumber zakat kepada golongan fakir mengikut pendirian Islam yang sebenar (Al-Bashayarah, 2015).

Dari sudut yang lain, had kifayah yang disarankan Islam boleh difahami untuk memastikan kehidupan yang baik demi menjaga kemuliaan manusia. Kehidupan yang baik ini berbeza penilaian dan pertimbangannya mengikut perbezaan tempat dan masa. Al-Shatibi berkata: Mengangkat sesuatu keperluan pada setiap perkara adalah mengikut situasinya, tanpa menentukan kadarnya.

**PENENTUAN HAD KIFAYAH DAN ELEMEN KEPERLUANNYA DALAM  
PEMBAHAGIAN ZAKAT SEMASA**

Apabila ditentukan kadar keperluan, maka jelas kadar keperluannya itu berdasarkan penelitian bukan berdasarkan nas, apabila ditentukan kadar kelaparan, maka kita diperintahkan untuk memberinya makan dan memenuhi keperluannya secara mutlak. Sekiranya diberi makan tetapi tidak mengangkat kelaparannya, maka tuntutan itu masih kekal ke atasnya selama mana dia belum melakukan sesuatu yang boleh mengangkat keperluannya. Adapun kadar keperluan itu berbeza mengikut masa dan keadaan pada ketika itu, kadang-kadang dia tidak terlalu lapar, maka dia berhajat kepada kadar makanan yang sedikit, apabila dibiarkan lama sehingga terlalu lapar maka dia berhajat kepada makanan yang lebih banyak. Kadang-kadang dia telah diberi makan oleh orang lain, maka terangkatlah keperluannya, kadang-kadang dia telah diberi makan oleh orang lain tetapi tidak mencukupi, maka dia meminta keperluan yang sedikit daripada yang sepatutnya diperolehi (al-Shatibi, 1997).

Ia menunjukkan bahawa pemahaman kadar kifayah bersifat fleksibel merangkumi semua masa dan keadaan masyarakat Islam semasa senang dan selesa. Al-Farra berkata: “adapun orang miskin ialah mereka yang tidak mempunyai kecukupan tetapi keadaan mereka lebih baik daripada orang fakir. Maka diberi kepada mereka zakat yang mengeluarkan mereka daripada kefakiran dan kemiskinan sehingga sampai ke peringkat kaya yang paling minimum, bergantung kepada keadaan mereka pada ketika itu. Sesetengah daripada mereka jika diberi satu dinar sudah memadai sekiranya mereka dari kalangan peniaga yang boleh memperoleh keuntungan melebihi kadar kifayah. Sesetengah di kalangan mereka pula tidak memadai kecuali diberi 100 dinar yang dibayar mengikut harga barangan atau makanan, sekiranya diberi kepadanya maka diberi sebanyak 5 dinar atau 50 dirham sekalipun tidak mengikut kadar kifayahnya, berdasarkan “khabar” yang meriwayatkan sedemikian. Sesetengah di kalangan mereka mempunyai kulit yang boleh diusahakan hasilnya yang mencukupi kadar kifayahnya, maka tidak diharuskan untuk memberi zakat, sekalipun dia tidak memiliki sesuatu” (al-Farra, 2000). Al-Farra berpandangan bahawa orang fakir mesti dikeluarkan daripada lingkungan kefakiran sehingga mencapai tingkatan kaya yang paling minima berdasarkan keadaan manusia

pada setiap zaman, maka inilah yang dikenali sebagai tingkatan kifayah.

Selain itu, keperluan asasi (asal) setiap manusia adalah berbeza berdasarkan perbezaan suasana dan keadaan yang ditentukan oleh para cendekiawan dan ahli ijtihad. Keperluan asasi adalah meliputi keperluan individu itu sendiri dan sesiapa yang berada di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak walau berapa bilangannya, ibu bapa dan kaum kerabat yang wajib diberi nafkah maka dikira termasuk dalam keperluannya (Abd al-Qadir, 1988).

### **Elemen had kifayah**

Elemen had kifayah ini diperolehi daripada penelitian penulis secara khusus terhadap beberapa kitab fiqh yang utama, antara elemen-elemen tersebut ialah:

#### **Pakaian**

Para fuqaha tidak mengehendkan pakaian hanya sekadar pakaian yang menutup aurat sahaja (Ibn Abidin, 1992), tetapi yang diambilkira ialah pakaian musim panas dan sejuk, sehinggalah pakaian untuk berhias-hias. Sesetengah fuqaha Syafi'iyah berpandangan: Sekiranya dia mempunyai rumah untuk didiami atau pakaian yang cantik (dipakai semasa keramaian) sedangkan dia seorang yang fakir, maka itu tidak menegahnyanya dari mendapatkannya kerana ia merupakan keperluan untuknya (al-Nawawi, t.th.).

Al-Rahibani (1994) menukilkan al-Ramly berkata bahawa disana ada pakaian yang digunakan untuk berhias untuk beberapa hari dalam setahun, maka tidak mengapa berbilang pakaian sekiranya layak dengannya. Al-Kasani daripada fuqaha Hanafi juga mempunyai pendapat yang lebih kurang sama (al-Kasani, 1986). Al-Ramly menganggap bahawa perhiasan wanita yang layak untuknya dan menjadi keperluan perhiasannya, tidak mencegahnya dari memperolehinya sekalipun dia fakir, pendapat ini juga merupakan pendapat Hanabilah (al-Shurbaini, 1994).

## Makanan dan Minuman

Makanan dan minuman merupakan keperluan asasi kehidupan manusia. Sesiapa yang tidak berkecukupan makanan dan minuman atas dirinya dan sesiapa yang dibawah tanggungannya, maka dia dianggap fakir yang berhak memperolehi zakat. Sungguhpun begitu, berlaku perselisihan pendapat di kalangan fuqaha dalam menetapkan had kifayah pada makanan dan minuman. Al-Ghazali dari fuqaha Syafi'iyah berpendapat memadai had kifayah dengan penetapan minima makanan dan minuman untuk sehari semalam dengan kadar satu *mud* makanan asasi (bijirin) sekalipun barli, adapun makanan tambahan (yang dimakan bersama makanan asasi) tidak boleh diberi secara berterusan tetapi diberi *rukhsah* dalam sesetengah keadaan sahaja (al-Ghazali, t.th.), beliau berpegang kepada riwayat dari Osman bin Affan r.a., bahawa Nabi S.A.W. bersabda; Tiadalah hak bagi anak adam selain perkara ini, rumah yang didiaminya, pakaian yang menutupi auratnya dan roti kosong serta air (al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi. Jld. 4. Hlm. 150).

Tetapi pandangan ini tidak membantu mengatasi masalah kefakiran, adapun hadis yang menjadi dalil juga merupakan hadis yang lemah dan sekiranya kita menerima kesahihannya sekalipun ia boleh ditafsirkan bagi menunjuk sifat zuhud. Adapun hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud: Bahawa sesiapa yang meminta sedangkan dia mempunyai apa yang diperlukannya, maka sesungguhnya dia memperbanyakkan *jamr* neraka jahanam. Maka ditanya Nabi S.A.W. tentang apakah yang dimaksudkan dengan mempunyai apa yang diperlukannya. Lalu Nabi S.A.W. bersabda: Sesuatu untuk dimakan sewaktu tengahari dan malam (Ahmad, t.th.). Hadis ini mungkin boleh ditafsirkan bagi menunjuk sifat zuhud, atau boleh jadi ia ditujukan kepada orang yang sentiasa mempunyai makanan untuk tengahari dan malam, manakala sesetengah ulama mengatakan bahawa hadis ini telah dinasakhkan (al-Baghawy, 1983).

Sebagai kesimpulannya, kami berpandangan bahawa masalah ini bergantung kepada urf manusia, bergantung kepada penetapan kadar yang sesuai dengan had kifayah. Penetapan makanan dan minuman adalah ditentu mengikut urf manusia berasaskan kadar

pertengahan (sederhana) yang diambil oleh manusia pada ketika itu.

### **Tempat tinggal, kelengkapan rumah dan orang gaji bergantung kepada kelayakan.**

Tidak syak lagi bahawa tempat tinggal merupakan keperluan hidup, ramai dikalangan fuqaha yang mengemukakan pendapat akan kepentingan orang fakir memiliki tempat tinggal bukan menyewanya.

Al-Ramly menyatakan: Sesiapa yang mempunyai harta tetap tetapi kurang pendapatannya berbanding keperluannya sama ada fakir atau miskin maka boleh diberinya kadar kifayah mengikut kesesuaiannya (al-Ramly, 1984) Al-Kasani berkata: Tidak mengapa untuk memberi zakat kepada orang yang mempunyai tempat tinggal... dan barangan untuk kelengkapan rumahnya (al-Kasani, 1986). Zakaria al-Ansari berkata: Sekalipun dia mempunyai tempat tinggal dan pakaian cantik untuk berhias dengannya, ia masih layak menerimanya, manakala al-Juwayni dan al-Baghawi dan selainnya telah mengehendkan tempat tinggal mengikut kelayakan (Zakaria al-Ansari, t.th.).

Al-Ramly dan al-Kasani telah menukil pendapat tentang khadam (orang gaji). Al-Rafi'iy berkata: "Mereka tidak didedahkan dengan hamba yang diperlukan untuk memberi khidmat, secara asasnya ia seperti tempat tinggal ... sesungguhnya hamba yang diperlukan kidmatnya seperti tempat tinggal, kedua-duanya tidak menegah dari menerima zakat kerana ia merupakan keperluan sepertimana pakaiannya" (al-Nawawi, t.th.). Ibn Salam berkata: "Semua *athar* menjadi dalil bahawa jumlah yang disalurkan kepada orang yang berhajat kepada zakat tidak menjadi penghalang ke atas orang Islam untuk memberi kepadanya, selama mana pemberi tidak berhutang, tetapi pemberian atas dasar kasih sayang dan kelebihan. Apabila itu dilakukan mengikut pandangan pemberi, tanpa sebarang pilih kasih dan mengikut telunjuk nafsu, seperti seorang lelaki melihat satu keluarga muslim yang baik berada dalam kemiskinan dan kefakiran, sedangkan dia mempunyai harta yang banyak, sedangkan keluarga tersebut tiada tempat tinggal untuk berlindung dan

menutup aib mereka, lalu dia membeli dari zakat hartanya sebuah rumah sebagai tempat berlindung dari kesejukan musim sejuk dan kepanasan matahari ...” (Ibn Salam, t.th.). Sebagai contoh, Pihak Berkuasa Hal Ehwal Islam dan Kebajikan Dubai telah mengharuskan pembinaan rumah-rumah orang fakir dan miskin dari harta zakat apabila ada kemampuan untuk itu (<http://www.awqaf.ae/Fatwa.aspx?SectionID=9&RefID=3101>).

## **Kuda**

Nabi S.A.W. bersabda: Peminta zakat mempunyai hak sekalipun dia datang berkuda (Abu Daud, 2009), sesetengah fuqaha berpendapat bahawa pemilikan haiwan tidak menghalangnya dari diberikan zakat, kerana ia merupakan sebahagian dari keperluan asasinya (Ibn Abidin, 1992).

## **Kitab-kitab**

Para fuqaha tidak menegadkan bahawa kitab-kitab hanya berkaitan ilmu syariah sahaja, al-Ramly berkata: kitab-kitab yang diperlukannya sekalipun jarang digunakan seperti sekali setahun yang bersangkutan dengan ilmu syar’ie...atau boleh memotivasikan dirinya atau orang lain sekalipun di negeri tersebut ada orang yang memberi motivasi, kerana ia memberi motivasi untuk dirinya apa yang mungkin tidak memberi motivasi kepada orang lain. Sekiranya ada kitab-kitab yang sama katagori ilmunya maka kekal semuanya kepada guru (al-Ramly, 1984), dan keadaannya begitu juga menurut Hanabilah. Al-Buhuti pula mengatakan secara mutlak dan tidak menegadkannya kepada ilmu syar’ie sahaja, dengan katanya: “begitu juga sesiapa yang mempunyai kitab-kitab untuk menghafaz dan mengulangkaji”. Al-Kasani pula berkata: kitab ilmu sains jika dia merupakan ahli sains (al-Kasani, 1986).

## **Alat-alat pertukangan dan kemahiran**

Fuqaha Hanafiah menggolongkannya dalam keperluan asasi. Ibn Abidin berkata: Keperluan asasi ialah perkara yang menghalang

kecelakaan dari manusia secara hakiki seperti nafkah, tempat tinggal, alat peperangan, pakaian yang diperlukan untuk mengelak panas atau sejuk atau keperluan secara taqdiri seperti hutang, sesungguhnya pemiutang perlu membayar hutangnya dengan harta yang ada ditangannya untuk mengelak dari ditahan yang diumpamakan seperti kecelakaan sepertimana juga alat-alat pertukangan (Ibn Abidin, 1992).

## **Nikah**

Fuqaha Malikiah dan Shafiih telah mengharuskan pemberian zakat kepada orang fakir untuk bernikah sekiranya dia berhajat kepadanya. Al-Ramly berkata: Sekiranya ada keperluan untuk bernikah sedangkan dia tiada harta bersamanya maka boleh diberi mengikut keperluan perbelanjaannya (al-Ramly, 1984). Al-Dasuqi berkata: ...bahawa anak yatim (perempuan) diberi wang zakat mengikut keperluannya dari keperluan-keperluan nikah (al-Dasuqi, t.th.).

## **Elemen-elemen terkini dan kesesuaiannya dengan had kifayah.**

Penelitian terhadap penentuan elemen-elemen sebelum ini menunjukkan had kifayah merupakan elemen ijtihad berdasarkan *urf* dan keadaan yang terbaik untuk manusia. Pada masa kini *urf* telah berubah, maka pandangan terhadap sesuatu barangan juga berubah, sesetengah barang yang dahulunya merupakan pelengkap telah menjadi suatu yang penting (*dharuri*) dalam kehidupan masa kini. Antara beberapa elemen baharu yang mungkin boleh dikategorikan dalam had kifayah pada masa kini ialah:

### **Perawatan dan Perubatan**

Al-Ramly daripada fuqaha al-Shafiiyyah mengisyaratkan bahawa doktor apabila memerlukan buku perubatan atau alat-alat perubatan untuk merawat manusia, maka dia tidak perlu membelinya tetapi dibeli menggunakan wang zakat (al-Ramly, 1984), adapun memberi zakat kepada fakir untuk mendapat rawatan tidak syak lagi merupakan satu keperluan untuk menjaga



diri manusia. Sekiranya hospital kerajaan tidak mencukupi untuk mendapat rawatan secara percuma, dan ada keperluan untuk orang fakir mendapat rawatan untuk dirinya atau keluarganya di hospital swasta, maka diharuskan untuk memberinya wang zakat mengikut keperluannya untuk mendapat rawatan. Beberapa orang ulama semasa juga mengharuskan perkara ini seperti Ibn Jabirin dan Majlis Fatwa Jordan. (<http://ibn-jebreen.com/?t=books&cat=6&book=28&page=1258> dan <http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=503#.WLMfm9KGPIU>)

### **Pendidikan di sekolah dan universiti**

Pendidikan pada hari ini menjadi satu keperluan yang penting, kebanyakan negara telah menjadikan pendidikan sebelum peringkat universiti sebagai suatu kemestian kerana pendidikan adalah asas pembangunan masyarakat dan kemajuan umat. Sungguhpun begitu, kita mendapati terdapat sesetengah fuqaha terdahulu dan sesetengah fuqaha semasa yang mengehendkan pendidikan dalam konteks pendidikan agama sahaja. Ibn Jabirin telah berpendapat bahawa pendidikan adalah satu kewajipan orang Islam, kerana dengannya dia dapat memahami agamanya dan menunaikan ibadat serta menjauhkan perkara haram, sedangkan jika dia jahil maka tidak diterima ibadatnya dan menghasilkan banyak kerosakan. Sekiranya tiada sekolah kerajaan yang menyediakan pendidikan secara percuma maka boleh dibelanjakan kepada fakir daripada harta zakat untuk pendidikan asas, adapun mempelajari ilmu-ilmu alat seperti kejuruteraan atau tukang pulih maka tidak boleh diambil dari harta zakat sekalipun mereka fakir, kerana tiada keperluan darurat untuk ilmu-ilmu seumpama itu (<http://ibn-jebreen.com/?t=books&cat=6&book=28&toc=1336&page=1258&subid>).

Tetapi disana ada fuqaha lain yang berpendapat boleh diberi kepada penuntut ilmu dari harta zakat tanpa melihat kepada bidang pendidikannya sama ada ilmu agama atau bukan ilmu agama, dengan syarat pelajar tersebut tidak mampu untuk bekerja dan belajar, sekiranya dia mampu melakukan kedua-duanya maka tidak layak diberi zakat, selain itu disyaratkan juga pendidikan itu

bukan percuma dan pemberian itu tidak melampau atau membazir, selain itu dikhususkan pemberian itu kepada pelajar terpilih (cerdik). Adapun yang tidak berkelayakan untuk masuk universiti maka boleh diberikan zakat untuk pendidikan kemahiran sekiranya tiada pendidikan percuma dan dia tidak mampu membiayai yuran pendidikannya (<http://aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=2847#.WLMrNNJ97IU>).

## **Kereta**

Sebelum ini pernah dikatakan bahawa pemilik kuda tidak ditegah dari menerima zakat; al-Qurtubi menyatakan: Sesungguhnya kuda yang sangat diperlukan oleh pemiliknya sebagai satu keperluan, sedangkan dia tidak mampu untuk mengurus kehidupannya sendiri, maka pemilikan kuda itu tidak mengeluarkannya daripada garis kefakiran dan tidak memasukkannya ke dalam golongan orang kaya yang tidak boleh menerima zakat (Ibn Abd al-Bar, 1387H).

Adapun pada waktu ini, pemilikan kereta dianggap satu keperluan di sesetengah negara dan sesetengah keadaan, manakala di sesetengah negara dan keadaan yang lain dianggap sebagai satu kemewahan. Sekiranya jaringan perhubungan dan kenderaan awam yang banyak dan mudah maka tidak harus membeli kenderaan dengan harta zakat, akan tetapi jika kenderaan awam tidak mencukupi atau susah untuk memperolehnya seperti individu yang mempunyai anak-anak yang belajar di sekolah dan universiti yang berlainan, sedangkan dia perlu menghantar mereka, maka pemilikan kenderaan adalah sesuatu yang mesti baginya, bahkan memiliki kereta lebih menjimatkan berbanding menaiki kenderaan awam jika dikira perbelanjaan setahun, maka pada ketika itu diharuskan membeli kereta tanpa ada unsur pembaziran dan pemborosan. (<http://www.ibn-jebreen.com/?t=fatwa&view=vmasal&subid=10112&parent=997>).

## **Alat komunikasi**

Telefon pada masa dahulu dianggap sebagai perkara sampingan (penyempurnaan), adapun pada hari ini telefon tangan dianggap

sebagai satu kemestian dan jarang didapati manusia yang tidak memilikinya pada hari ini. Kebanyakan Negara juga menggunakan jaringan komunikasi ini dalam urusan kerajaan dan perhubungan dengan pelanggan mereka dari pelbagai lapisan. Sekiranya fuqaha silam tidak menegah orang fakir dari memiliki khadam (pembantu), dimana kewujudannya tidak menghalang dari menerima zakat, maka telefon tangan pada hari ini merupakan keperluan asasi, tidak menjadi satu kesalahan untuk memberi orang fakir perkhidmatan yang membolehkannya menggunakan alat telekomunikasi dengan syarat pada kadar yang sepatutnya, harga yang berpatutan dan tidak mahal serta menawarkan perkhidmatan yang munasabah (Bal'amash, t.th.).

### **Peralatan komputer dan laptop**

Pada zaman ledakan maklumat hari ini kita mendapati jarang rumah yang tidak mempunyai computer yang merupakan alat asas untuk berhubung, bekerja dan belajar. Maka boleh dikatakan harus untuk mengeluarkan zakat bagi membeli computer kepada individu yang memerlukannya untuk bekerja atau belajar dengan menqiaskannya ke atas alat-alat pekerjaan yang disebutkan oleh fuqaha silam. Begitu juga diharuskan pembelian pengimbas (scanner) sekiranya pekerjaannya memerlukan alat tersebut. Kesemua itu dengan syarat tiada pihak lain yang menyediakan perkhidmatan tersebut secara percuma seperti pembekalan komputer secara percuma kepada sekolah untuk tujuan pembelajaran (<https://islamqa.info/ar/146307>).

### **Peralatan rumah**

Banyak peralatan rumah diperlukan pada hari ini seperti peti sejuk, mesin basuh, televisyen, dvd, permainan kanak-kanak dan seumpamanya yang mana pada zaman dahulu dianggap sebagai harta mewah, tetapi pada hari ini ia menjadi satu keperluan asasi seperti penyaman udara, peti sejuk dan mesin basuh, kesemua ini boleh dibeli daripada duit zakat.

Adapun peralatan lain yang dianggap sebagai hiburan seperti televisyen dan video yang dianggap oleh masyarakat sebagai satu keperluan dan memberi faedah jika digunakan dengan cara yang

baik. Begitu juga halnya dengan permainan kanak-kanak yang dianggap sebagai satu keperluan untuk membentuk jiwa dan keperibadiannya. Jika ia menjadi satu kebiasaan di kalangan masyarakat untuk mempunyai keperluan tersebut, maka tiada sebab untuk menghalang orang-orang fakir daripadanya, maka diharuskan membayar zakat untuk memperolehinya, dengan syarat pada kadar bersederhana, tidak membazir dan tidak digunakan untuk tujuan maksiat. Telah dinyatakan bahawa para fuqaha telah mengharuskan pemberian zakat kepada orang fakir dengan tujuan untuk membeli peralatan rumah (Bal'amash, t.th.).

## **KESIMPULAN DAN PENUTUP**

Perbincangan dalam artikel ini menunjukkan bahawa had kifayah merupakan garis yang ditetapkan Islam dalam menentukan sama ada seseorang itu termasuk dalam golongan penerima atau pembayar zakat. Terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha dalam menentukan kadar kekayaan yang mencegah seseorang dari menerima zakat, walau bagaimanapun pendapat yang terpilih dalam kalangan fuqaha ialah penentuan dikira berdasarkan kadar kecukupan atau keperluan semasa seseorang kerana kadar keperluan adalah berbeza mengikut keadaan tempat dan masa. Kemungkinan pada masa dahulu sesuatu elemen bukan merupakan keperluan asasi tetapi pada masa kini ia menjadi suatu keperluan kepada semua orang.

Sehubungan itu, penentuan atau kadar kifayah perlu dinilai menurut taraf kehidupan yang sepatut dan selayaknya dalam sesebuah masyarakat dan zaman yang berbeza. Beberapa elemen baru yang dikenalpasti seperti bantuan pendidikan, pembelian peralatan komputer, kenderaan dan sebagainya boleh dipertimbangkan antara keperluan yang boleh digunapakai dalam pembahagian zakat pada masa kini. Pihak berkuasa agama khususnya yang berkaitan zakat perlu memainkan peranan dalam membuat kajian lapangan secara berterusan bagi memastikan had kifayah yang sepatutnya ditentukan kadarnya. Ini akan membolehkan objektif atau maqasid kewajipan berzakat dapat dicapai iaitu memastikan kekayaan dapat diagihkan secara adil dan saksama dalam negara Islam.

## RUJUKAN

### Rujukan Buku:

- Abd al-Qadir, Ahmad Usman. (1988M/1408H-1409H). *Had Kifayah fi al-Iqtisad al-Islami-Dirasah Muqaranah*. Tesis Master. Jamiah Umm al-Qura. Makkah al-Mukarramah.
- Abu Daud, Sulaiman bin Ash'asy. (2009). *Sunan Abi Daud*. Dar al-Risalah al-Alamiyyah. Beirut.
- Al-Baghawy. (1983). Abu Muhammad al-Hussain bin Mas'ud. *Sharh al-Sunnah*. Al-Maktab al-Islami. Dimasq.
- Al-Bashayarah, Hassan Hussain. (2015). *Siyasah Tadkhul al-Dawlah fi al-Iqtisad al-Islami*. Dar Amman al-Din. Amman.
- Al-Bukhari. (t.th). *Sahih al-Bukhari*. t.t.: t.p.
- Al-Dar al-Qutni, Ali bin Umar. (2004). *Sunan al-Dar al-Qutni*. Muassasah al-Risalah. Beirut.
- Al-Farra' Bu Ya'la Muhammad bin al-Hussain. (2000). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.
- Al-Fanjari, Muhammad Shauqi. (2010). *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil. 1. t.t.:Wizarat al-Auqaf.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (t.th). *Ihya' Ulum al-Din*. Dar al-Ma'rifah. Beirut.
- Al-Isfahani, al-Hussain bin Muhammad. (1992M/1412H). *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Dar al-Qalam. Beirut.
- Al-Jassas, Abu Bakr Ahmad bin Ali. (1994). *Al-Fusul fi al-Usul*. Wizarah al-Awqaf al-Kuwaitiah. Kuwait.
- Al-Kasani. Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad. 1986. *Badaie' al-Sanaie' fi Tartib al-Sharaie'*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.
- Al-Mardawi. (t.th). Ali bin Sulayman. *Al-Insaf fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Beirut.
- Al-Muzani. (t.th). *Mukhtasar al-Muzani*. Jld. 8. t.t.: t.p.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (1972M/1392H). *Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Beirut.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (t.th). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Dar al-fikr. Beirut.
- Al-Rahibani, Mustafa bin Saad. (1994). *Matalib Uli al-Nuha fi Syarh Ghayah al-Muntaha*. Al-Maktab al-Islami. Beirut.

- Al-Ramly, Muhammad ibn Abi al-Abbas. (1984). *Nihayah al-Muhtaj*. Dar al-Fikr. Beirut.
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwafaqat*. Dar Ibn Iffan.
- Al-Shurbaini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.
- Bal'amash, Faisal bin Said. *Anasir al-Kifayah al-Mu'tabarah fi Tahdid al-Faqr wa Qadr ma Yu'tha al-Faqir min al-Zakat*. Majallah Jamiah al-Qasim al-Ilmiyyah li al-Ulum al-Syar'iyyah. Jld. 5. Bil. 2.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar. (1992). *Radd al-Muhtar ala al-Dur al-Mukhtar*. Dar al-Fikr. Beirut.
- Ibn Abd al-Bar. (1387H). Yusof bin Abdullah bin Muhammad. *Al-Tamhid*. Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah. Al-Maghrib.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram bin Ali. (t.th). *Lisan al-Arab*. Dar al-Sadir. Beirut.
- Ibn Qudamah, Abd al-Rahman bin Muhammad. (t.th). *Al-Syarh al-Kabir ala Matan al-Muqni'*. Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad. (1968). *Al-Mughni*. Maktabah al-Qaherah. Al-Qaherah.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. (2004). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Dar al-Hadis. Al-Qaherah.
- Ibnu Salam, Abu Ubaid al-Qasim. (t.th). *Al-Amwal*. Dar al-Fikr. Beirut.
- Muslim, Muslim bin Hajjaj. (t.th). *Sahih Muslim*. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Beirut.
- Uwais, Abd al-Halim. (2004). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*, Dar al-Wafa'. Mansurah.
- Zakaria al-Ansari, Zakaria bin Muhammad. (t.th). *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*. Dar al-Kitab al-Islami.

### Rujukan Internet:

- <http://www.awqaf.ae/Fatwa.aspx?SectionID=9&RefID=3101>  
<http://ibn-jebreen.com/?t=books&cat=6&book=28&page=1258>  
<http://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=503#.WLMfm9KGP>  
U

**PENENTUAN HAD KIFAYAH DAN ELEMEN KEPERLUANNYA DALAM  
PEMBAHAGIAN ZAKAT SEMASA**

[http://ibn-jebreen.com/?t=books&cat=6&book=28&toc=1336&page=1258  
&subid](http://ibn-jebreen.com/?t=books&cat=6&book=28&toc=1336&page=1258&subid)

[http://aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=2847#.WLMrNNJ97  
IU](http://aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=2847#.WLMrNNJ97IU)

<http://www.ibn-jebreen.com/?t=fatwa&view=vmasal&subid=10112&parent=997>  
<https://islamqa.info/ar/146307>

